

ISSUE #48/27 JULAI 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



meergeen,
Qasrina

SATUKAN JIWA DEMI 'THARIQ RIDZUWAN: HIS TREASURE'



Thariq, Radwa 'Dihidupkan' Dari Novel

Dua pelakon muda berbakat, Meerqeen dan Qasrina Karim, tampil dengan komitmen penuh untuk menjayakan watak utama dalam drama bersiri adaptasi novel popular Thariq Ridzuwan: His Treasure. Drama ini bakal menemui penonton bermula 23 Julai 2025, setiap Rabu dan Khamis, jam 9 malam di Astro Ria.

Meerqeen Hayati Watak Thariq Dengan Ikhlas

Bagi Meerqeen atau nama sebenarnya Muhammad Shameer Shauqueen Shaiful Izam, watak sebagai Thariq Ridzuwan disambut penuh keterujaan. Meskipun watak tersebut cukup dikenali pembaca novel, Meerqeen mengakui dia tidak merasa tertekan, sebaliknya menyuntik keikhlasan dalam lakonannya.

"Saya tiada rasa tekanan langsung. Sebaliknya saya rasa seronok nak tunjukkan siapa sebenarnya Thariq. Dalam watak ini, ada sedikit diri saya - saya satukan karakter Thariq dengan elemen personaliti saya sendiri," katanya.

Sebagai persiapan, Meerqeen sempat bertemu pelakon dan pengarah berpengalaman Ellie Suriati sehari sebelum memulakan penggambaran untuk memahami sisi dalaman watak tersebut. Malah, dia turut menjaga fizikalnya agar selari dengan imej Thariq yang cergas dan gagah.

"Saya memang aktif bersukan dan ke gim, jadi tak susah untuk saya kawal berat badan," ujarnya.

Qasrina Karim Dalami Emosi Radwa

Sementara itu, Qasrina Karim menyifatkan watak Radwa sebagai cabaran yang membuka ruang untuknya meneroka sisi peribadi yang tidak pernah disentuh sebelum ini.

"Radwa seorang wanita yang nampak kuat, tapi menyimpan luka yang mendalam. Bila saya mula faham emosi dia, saya rasa watak ni dekat dengan diri saya. Banyak refleksi diri yang berlaku sepanjang saya bawakan karakter ini," jelasnya.

Qasrina mengambil masa memahami sepenuhnya latar belakang Radwa dengan membaca novel asal, berbincang bersama pengarah Eyra Rahman, serta bertanya terus kepada penulis novel bagi mendalami emosi dan motivasi watak tersebut.

Mengakui tekanan membawa watak yang sudah pun disayangi oleh pembaca novel, Qasrina menjadikan rasa takut itu sebagai motivasi untuk keluar dari zon selesa dan memberi persembahan sejurus mungkin.

"Saya faham ada yang akan bandingkan dengan versi novel. Saya pun pembaca. Tapi saya cuba lakukan yang terbaik ikut skrip dan arahan," katanya.



Thariq Ridzuwan: His Treasure merupakan drama romantik yang mengangkat tema cinta, kesetiaan dan penebusan. Ia mengisahkan seorang anggota elit yang kembali demi menyelamatkan cinta pertamanya daripada perkahwinan paksa, mencetuskan konflik emosi dan ancaman dari masa silam.

Diadaptasi daripada sensasi online dengan lebih 10 juta bacaan dan novel laris, drama arahan Eyra Rahman ini dibintangi Meerqueen, Qasrina Karim, Evertts Gomes dan ramai lagi. Lebih istimewa, ia turut menampilkan ALPHA menerusi runut bunyi rasmi bertajuk 'P. Ramlee dan Saloma' dan Hael Husaini yang bertajuk 'Alangkah'.

Astro turut meneruskan momentum kempen ini pada Ogos menerusi 'Hello KITA', sebuah acara istimewa yang menghimpunkan barisan pelakon Thariq Ridzuwan: His Treasure, Mandul Bukan Pilihan dan barisan pelakon daripada drama-drama Astro yang lain.

Peminat dan pelanggan Astro berpeluang bertemu selebriti kegemaran mereka serta menyertai aktiviti interaktif sebagai sebahagian daripada komitmen Astro dalam meraikan karya tempatan dan mengukuhkan hubungan dengan para penonton.

Thariq Ridzuwan: His Treasure

Produksi: MIG Production Sdn Bhd


Pengarah: Eyra Rahman

Siaran: Astro Ria (Saluran 104), bermula 23 Julai 2025, setiap Rabu & Khamis, jam 9 malam.

Sinopsis

Thariq Ridzuwan: His Treasure mengisahkan Thariq, seorang ejen elit yang sanggup menggadaikan nyawa demi menyelamatkan bekas kekasihnya, Radwa yang dipaksa berkahwin oleh ibunya. Setelah bersatu kembali, hubungan mereka diuji dengan trauma, cemburu, tekanan keluarga dan tragedi yang hampir memusnahkan segalanya.

Saat Radwa disahkan hamil, cahaya harapan menyinar. Namun kemunculan lelaki misteri dari masa lalu sekali lagi menggugat cinta mereka. Dalam perjuangan menentang masa silam dan ancaman baharu, Thariq dan Radwa berpegang pada cinta demi melindungi keluarga yang ingin dibina bersama.



Bront Palarae Tanpa Buka Baju Tayang Body & Sensasi, ‘Meroket’ Jadi Harta Karun Nusantara

Bersyukurlah kerana dalam banyak lambakan individu yang memegang gelaran pelakon, segelintir daripada mereka telah memenuhi tuntutan-tuntutan menjadi anak seni dengan bakat yang berkualiti — atau sekurang belajar menggali potensi diri untuk terus maju dan tidak memalukan diri serta industri.

Dalam kelompok yang sangat sedikit ini, salah seorang individu yang layak digelar lebih daripada sekadar pelakon — individu yang menghidup dan menggerakkan watak yang dimainkan dalam sesebuah naskhah dengan penuh dinamika adalah Bront Palarae.

Nama pentas Bront Palarae tidak meroket sejak awal kemunculan lebih dua dekad lalu. Namun sebagai seorang yang terpelajar, penuh strategi, bijak memahirkan bakat yang tahu boleh dijual se-Nusantara, lelaki berusia 46 tahun ini telah berada dalam kelas tersendiri.


Sebagai bukti, tanpa sensasi itu dan ini, Bront sekali lagi melakar sejarah di luar negara.

Berkat watak Heem yang dimainkan dengan kemas, Bront dinobatkan Pelakon Pembantu Terbaik di Anugerah Baan Nang Klang Lakorn ke-21 menerusi filem seram Thailand, *The Cursed Land*.

Lebih membanggakan, Bront menewaskan empat calon aktor Thailand lain yang nama tidak kalah hebat iaitu Benjamin Joseph Varney, Arak Amornsupsiri, Aelm Bhumibhat Thavornsiri dan Sanya Kunakorn.

“Alhamdulillah! Berlakon dalam filem Thailand terasa seperti mimpi yang jauh. Dan kini, pengiktirafan ini sangat gila,” tulisnya bangga mengenai pengiktirafan tersebut.

Diiktiraf sebagai yang terbaik dalam filem yang telah banyak ditayangkan pada festival antarabangsa seperti Festival Filem Antarabangsa Rotterdam (IFFR) di Belanda, Festival Filem Antarabangsa Ho Chi Minh City di Vietnam, Festival Filem Asia di Itali, Festival Filem Hebat Antarabangsa Bucheon (BiFan) di Korea Selatan dan Festival Filem Asia New York (NYAFF) di Amerika Syarikat, bukan satu-satunya ‘kemenangan’ Bront.




GEMPAK SPOT LIGHT



VBIZ

Joko Anwar Umumkan Deretan Pemeran untuk Film Horor Komedи Ghost in the Cell

Source: Instagram/comandeepictures



KREDIT LIFESTYLE ASIA



Bront sudah lama menyimpan trofi Pelakon Lelaki Terbaik di Anugerah dan Festival Filem Antarabangsa ASEAN 2015 (AIFFA 2015).

Beliau juga menjadi pilihan utama sutradara tersohor Indonesia, Joko Anwar untuk terlibat dalam pelbagai naskhah sentuhannya termasuk Pengabdi Setan.

Dan sekali lagi di tahun 2025, Joko tidak akan pernah melepaskan aktor yang menjadi kegilaan peminat Indonesia ini apabila berdiri sama tinggi dengan barisan anak seni papan atas republik tersebut menerusi naskhah komedi — yang telah lama ditinggalkan Joko.

Dipertanggungjawab memegang peran Jefry, Bront bersama Abimana Aryasatya, Lukman Sardi, Mike Lucock dan Tora Sudiro bakal menghidupkan Ghost In The Cell yang dijadual tayang pada 2026.

Selain itu pemilik nama sebenar Nasrul Suhaimin Saifuddin ini juga telah melakar sejarah apabila dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Seni Sinematik (FCA), Universiti Multimedia Malaysia (MMU) tahun lalu.

Dan tanpa perlu menyenaraikan naskhah-naskhah lakonannya, industri seni tempatan sudah berbangga dengan Bront. Beliau bukan hanya pelakon tapi harta karun industri seni Malaysia dan kini Nusantara.

Bront, tanpa buka baju tayang body, bermain di babak panas, mencipta kontroversi keji — meroket dengan kredibiliti terpuji. - MALIAH SURIP

Aliff Syukri Makin Manusiawi, Terima Kasih Amayan Jadi Pelaris

Cara pemasaran usahawan selebriti Dato' Aliff Syukri kini sudah naik 'pangkat'. Jika dulu dia dicemuh dengan banyaknya marketing atau pemasaran yang jelek termasuk melahirkan lagu raya dengan suara sumbang dan klip video memualkan, kini umpan pemasaran baharu Aliff berubah — dan berjaya. Aliff tidak lagi menjelekkan. Dia mula digemari dengan konten atau pemasaran yang lebih bersifat 'direct'. Tanpa basa basi, suami Datin Nur Shahida Mohd Rashid ini menjadi usahawan yang menjual segala macam 'mak nenek' bersama keluarga.

Kali ini dia sudah tahu bagaimana mengambil hati rakyat Malaysia atau pembeli; libatkan ahli keluarga, sulam elemen komedi, jadi diri sendiri, bersahaja dan jual produk sampai menawan hati pembeli.

Dalam kebangkitan jualan produknya kali ini, Alif kena bersyukur kerana Ammar Ahyan Ammayan kini menjadi buah hati semua — sifat polos, cara membantu penjualan yang 'lurus' tapi memikat dan bijaksana anak muda ini menangani 'huru haru' Alif serta jujur dengan setiap tutur kata yang dilontarkan menjadi pemikat khalayak untuk sekurangnya satu kali mencuba jualan keluarga itu.

Di dunia maya, terutama TikTok, Aliff dan jualannya daripada syampu, beg tangan yang sempat mencetak sensasi kerana dilabel meniru sehingga Jeruk Mangga Papa Laris sedang meledak jualannya macam gunung berapi yang sedang memuntahkan lava. Penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza pun menjadi salah seorang pelanggan beg tangan keluarannya.


Malah Aliff digelar Raja Tik Tok selepas didakwa berjaya memperoleh sehingga RM9.2 juta sebulan untuk semua hasil jualannya. Tidak hairan apabila dia mampu menunaikan permintaan anak perempuannya, Qadejah atau Cess seutas jam tangan Cartier dengan anggaran di pasaran RM41,900.

Tidak cukup itu, Alif juga menghadiahikan anak sulungnya dengan beg jenama Prada. Dan pembelian terbesar hasil jualan yang memberangsangkan, Alif didakwa mampi membeli kapal terbang Cessna 172 yang dikatakan model paling laris bagi milikan persendirian dalam bentuk baharu dianggarkan sekitar RM1.6 juta. Ini semua secara kasarnya adalah berkat taktik pemasaran 'bersih' dan tidak terlalu berusaha keras Aliff. Jika mahu mengulas tentang Aliff kaya raya, apa yang ditonjolkan kepada semua sudah jelas dia dan keluarganya hidup mewah bergelumang harta.

Bagaimana dia menguruskan harta seperti membayar zakat atau dikejar-kejar Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) itu urusannya. Kita yang melihat ini tumpang bahagia asalkan dia tidak lagi mempamerkan konten-konten yang memualkan dan menjatuhkan maruah rakyat Malaysia. - MALIAH SURIP



GEMPAK SINEMA



Pengarah: Faizul A. Rashid
Pelakon: Farid Kamil, Uqasha Senrose, Mustaqim Bahadon, Juliana Evans, Sherie Merlis
Genre: Seram

Kepercayaan seorang ibu dan anak lelakinya terhadap bomoh akhirnya membawa mimpi ngeri kepada keluarga mereka apabila anaknya itu menggunakan sihir bagi membala dendam terhadap bekas kekasih isterinya, yang ingin menghancurkan rumah tangga mereka. Namun perbuatannya memakan diri dan mengancam nyawa keluarganya.

Pengarah: Matt Shakman
Pelakon: Pedro Pascal, Vanessa Kirby, Joseph Quinn, Ebon Moss-Bachrach
Genre: Aksi

Empat remaja luar biasa - Reed Richards, Sue Storm, Johnny Storm, dan Ben Grimm dihantar ke alam semesta alternatif. Di sana, mereka memperoleh kuasa luar biasa yang mengubah bentuk fizikal mereka secara drastik dan mengejutkan. Reed menjadi Mister Fantastic dengan keupayaan meregangkan tubuhnya ke panjang yang luar biasa; Sue berubah menjadi Invisible Woman yang mampu menghilangkan diri dan mencipta medan tenaga pelindung; Johnny menyala sebagai Human Torch dengan keupayaan mengawal dan menghasilkan api; manakala Ben bertukar menjadi The Thing, makhluk berkulit batu dengan kekuatan luar biasa.

Pengarah: Jeropoint
Pelakon: Shareefa Daanish, Sujiw Tejo, Luna Maya, Taskya Namy, Teuku Rifnu Wikana, Jajang C. Noer
Genre: Seram

Lastini bersedih meratapi kematian suaminya, Edward. Tidak lama selepas itu, anaknya, Arum, turut jatuh sakit secara tiba-tiba. Walaupun telah menerima rawatan moden, keadaannya masih tidak baik. Lastini percaya penyakit Arum ada berkait dengan kuasa ghaib yang mengawal diri dan jiwanya. Demi menyembuhkan Arum, Lastini bersama dua anaknya yang lain, Lia dan Rama, mengembara ke seluruh Jawa demi mencari bantuan daripada bomoh yang mempunyai ilmu warisan nenek moyang.

GEMPAK MOST WANTED

Imran Ajmain, Wani Kayrie & Ming Chun Food Trending GMW Minggu Ini!

Minggu ini menyaksikan Wani Kayrie merajai carta Video Muzik Trending menerusi lagu catchy 'Cak Cak Cekuk', mengatasi Iera Milpan (Janji Kau Inkaro) dan Amira Othman (Dalam Sujudku).

Dalam kategori Lagu Trending, Imran Ajmain mendahului dengan balada menyentuh hati 'Seribu Tahun Lagi', diikuti Lucidrari feat Heil Nuan dengan 'Lowkey' dan Alpha dengan 'Mona Lisa (Bang Bang)'.


Bagi Drama Trending, 'Mandul Bukan Pilihan' terus mendominasi perhatian penonton, mengatasi drama-drama hangat lain seperti 'Honey Trap' dan 'Bukan Ipar Sempurna'.

Dalam dunia digital, Hakim Nanyan kekal di tempat teratas kategori Sports Creator, manakala Ming Chun Food menambat hati peminat makanan dalam kategori Foodie Creator. Di segmen Entertainment, Imzaczac memimpin senarai, sementara Dania Ziqqra pula unggul dalam kategori Beauty & Fashion.

Bagi Hos Program Digital Trending, nama Yousaff mendahului carta, diikuti personaliti popular seperti Financial Faiz dan Khairy Jamaluddin.

Akhir sekali, carta Selebriti Trending menyaksikan pelakon Niezam Zaidi berada di puncak, dengan bintang lain seperti Eyka Farhana, Bella Dowanna, dan Nadeera turut kekal relevan dalam radar peminat.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11.30 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO. Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda! Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

VIDEO MUZIK TRENDING

1. CAK CAK CEKUK - WANI KAYRIE
2. JANJI KAU INKARO - IERA MILPAN
3. DALAM SUJUDKU - AMIRA OTHMAN
4. DIA IMAMKU -ASFAN SHAH & KEKA NIZAM
5. MWA - DOLLA

DIGITAL CREATOR TRENDING (SPORTS)


1. HAKIM NANYAN
2. PADIL
3. STORMIE
4. ZEEM AHMAD
5. AQIL FARHAN

DIGITAL CREATOR TRENDING (FOODIE)

1. MING CHUN FOOD
2. RICHARD
3. NURNISA
4. SOFIAA MARIEYLLA
5. NORRISHAM

DRAMA TRENDING

1. MANDUL BUKAN PILIHAN
2. HONEY TRAP
3. BUKAN IPAR SEMPURNA
4. DI SEBALIK REDA
5. DIA BUKAN SYURGA



Didi & Friends Cipta Rekod Malaysia, Lebih 2,000 Kanak-Kanak Sertai Sesi Penceritaan



Animasi popular Didi & Friends mencipta sejarah apabila seramai 2,172 kanak-kanak menyertai sesi bercerita di MAEPS, Serdang, sekaligus melayakkan mereka mendapat pengiktirafan The Malaysia Book of Records bagi kategori Penyertaan Kanak-Kanak Teramai dalam Acara Penceritaan.

Acara ini diadakan sempena Karnival Sukan Al-Kauthar Eduqids with Friends 2025 dan turut menampilkan kisah Arnab & Kura-Kura dalam versi interaktif oleh Abang Pa'an. Secara keseluruhan, lebih 6,000 kanak-kanak menyertai aktiviti penceritaan sepanjang hari, dengan kehadiran melebihi 20,000 pengunjung.

Rekod ini turut menjadi pelancaran rasmi kempen Didi & Friends Story Time yang menggalakkan tabiat membaca sejak kecil. Didi & Friends juga membuat kemunculan khas di Minggu Perpaduan 2025 di Pulau Pinang.

"Kami mahu menyemai nilai positif dan cintakan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak," kata Edison Cheam, Penolong Naib Presiden, Studio GenNext Astro.

Didi & Friends Story Time bersiaran setiap Jumaat, 11 pagi di Astro Ceria (saluran 611) serta di Astro GO dan sooka.



Zepp KL Jadi Saksi Glenn Fredly 'Kembali' Hiburkan Peminat

Suasana penuh emosi menyelubungi konsert Glenn Fredly Holographic Performance: Live in Malaysia apabila mendiang penyanyi tersohor Indonesia itu 'dihidupkan semula' menerusi pancaran hologram di pentas Zepp Kuala Lumpur, malam Jumaat lalu.

Isterinya, Mutia Ayu yang turut membuat persembahan, kelihatan sebak ketika menyaksikan kelibat suami tercinta kembali menghiburkan peminat dengan gerakan tubuh seolah-olah hidup.

"Ketika latihan lagi saya sudah merasa sebak, terutama saat suara mendiang Glenn kembali dimainkan," ujarnya dalam sidang media sebelum konsert bermula.

Konsert berdurasi dua jam anjuran Premier Live Productions itu turut menyaksikan penyanyi lagu Januari itu diiringi secara langsung oleh band asalnya, The Bakuucakar.

Antara momen menyentuh hati adalah segmen duet Mutia bersama Glenn menerusi lagu Itu Saja, ciptaan khas sempena ulang tahun pertama perkahwinan mereka.



Konsert Feby Putri 3.0 Penuh Emosi, Peminat Healing Bersama 'Hitam Putih'

Penyanyi terkenal Indonesia, Feby Putri kembali ke Malaysia buat kali ketiga dengan membawakan tema 'Hitam Putih' iaitu album keduanya.

Bukan biasa-biasa, Konsert Feby Putri 3.0 penuh dengan penceritaan peribadi dan emosi yang mendalam sehingga membuatkan peminat yang hadir terpana.

Berlangsung di Zepp KL pada Sabtu lalu, antara lagu yang disampaikan Feby adalah Runtuh, Cemas, Usik, dan Halu.

Istimewanya lagi, Feby juga berkongsi lagu khas buat arwah ibunya dan malam itu menjadi saksi detik paling emosional yang turut dirasai oleh peminat.

Boleh dikatakan konsert ini bukan hanya persembahan tulus dari seorang Feby, bahkan penyembuhan emosi dan healing buat peminat.



TKLMFW 2025 Angkat Fesyen Lelaki ke Tahap Baharu di Malaysia

Dunia fesyen lelaki Malaysia melakar sejarah baharu menerusi penganjuran edisi pertama The Kuala Lumpur Men's Fashion Week (TKLMFW) 2025 yang berlangsung dari 18 hingga 20 Julai 2025 di M Resort & Hotel Kuala Lumpur.

Acara berprestij ini diterajui oleh Datuk Sri Raja Rezza Shah selaku pengasas dan pengurus TKLMFW.

TKLMFW 2025 menghimpunkan lebih 30 jenama dan pereka terkenal tempatan dan antarabangsa termasuk Paul & Shark, Philip Plein, Balmain, Guess, Datuk Bernard Chandran, Radzuan Radziwill, Tom Abang Saufi, serta pereka muda berbakat seperti Nazrin Shah, Calvin Thoo, Amar Amran, Shanell Harun dan ramai lagi.


Segmen khas "The Rhythm of Malaysia" oleh Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA) mempersembahkan keindahan busana tradisional dalam sentuhan moden oleh pereka seperti Batek by Rasta Rashid, Azammoff dan KALAI House of Linen. Indonesia turut memeriahkan pentas menerusi "Spices of Indonesia" yang menampilkan nama-nama besar seperti Ulin Songket dan Jeny Tjahyawati.

Tidak ketinggalan, TikTok Presents: DRUM Fashion dan koleksi khas dari pelajar TARUMT menonjolkan bakat generasi muda dalam fesyen jalanan kontemporari.



Tun Laila
@beyarafaee 

@beyarafaee 



Fahami Proses Mahkamah, Apa Itu Prima Facie dan Bila OKT Perlu Bela Diri?

Mungkin ramai yang keliru bila dengar seseorang "dipanggil bela diri" atau bila media melaporkan ada "prima facie" dalam kes. Untuk mudahkan pemahaman orang ramai, pempengaruh Tun Laila baru-baru ini menjelaskan proses ini secara ringkas. Berikut adalah perkara penting yang anda patut tahu:

Proses Mahkamah Ada Dua Peringkat Utama

Setiap kes jenayah bermula dengan peringkat pendakwaan, diikuti dengan peringkat pembelaan. Sebelum seseorang boleh membela diri, dia mesti dituduh dan pendakwaan perlu dibuktikan terlebih dahulu.

Pendakwa Raya Perlu Buktikan Semua Elemen Kesalahan

Pendakwa bukan hanya datang ke mahkamah dan menuduh mereka perlu buktikan semua elemen sesuatu jenayah mengikut undang-undang. Kalau tidak lengkap, kes boleh gugur awal.

Fahami Maksud ‘Prima Facie’

Ini adalah istilah penting dalam proses perbicaraan. "Prima facie ni adalah satu beban pembuktian yang diletakkan kepada pendakwaan." Maksudnya, jika elemen jenayah terbukti pada peringkat awal, maka mahkamah akan putuskan bahawa ada prima facie. Barulah Orang Kena Tuduh (OKT) dipanggil untuk bela diri.

Bila Ada ‘Prima Facie’, Barulah OKT Diperlukan Membela Diri

Selepas mahkamah mengesahkan wujud prima facie, OKT akan dipanggil untuk memberikan pembelaan. Tetapi ini tidak bermaksud dia perlu membuktikan diri tidak bersalah sepenuhnya.

Pembelaan Hanya Perlu Wujudkan Keraguan Munasabah


Dalam fasa pembelaan, OKT hanya perlu mewujudkan satu keraguan munasabah terhadap bukti pihak pendakwa.

Kalau Ada Keraguan, Mahkamah Tak Boleh Sabitkan Kesalahan

Mahkamah mesti sangat yakin dan tidak ragu-ragu langsung untuk sabitkan seseorang. Jika ada keraguan walaupun sedikit, maka OKT tidak boleh dihukum.

'Prima Facie' Bukan Bererti Pendakwa Menang

Ramai salah faham. Hanya kerana ada prima facie, belum tentu pendakwa menang. OKT masih ada peluang untuk lepas jika berjaya wujudkan keraguan terhadap kes pendakwaan.



Workplace Bullying Now A Crime In Malaysia

As of 1 June 2024, workplace bullying is officially a crime in Malaysia under the amended Employment Act 1955. It includes repeated behavior whether verbal, physical, written, or online—that insults, humiliates, or abuses an employee, often involving an abuse of power.

Examples include yelling, mockery, social exclusion, unfair workload, threats, and spreading rumors.

Employers are now legally required to investigate any complaint within 14 days, and failure to act can result in fines up to RM50,000.

Victims can report to HR or directly to the Labour Department (JTK), as the law aims to ensure a safer, more respectful work environment.



Real-Life Hogwarts In Malaysian School

A Malaysian teacher went viral for transforming her classroom to look like it's straight out of a Harry Potter movie, complete with floating candles, magical decorations, and Hogwarts-style vibes.

The photos amazed netizens, who praised her creativity and dedication to creating a fun learning environment.

Many said they wished they had a teacher like her growing up, while others joked they'd be excited to go to school every day if their classroom looked like that.



Indian Man Opens Malaysian Tomyam Restaurant

An Indian man who fell in love with Malaysian tomyam during his time here has opened his own Malaysian-style tomyam restaurant back in India.

Inspired by the unique flavors and spicy kick, he now serves dishes like tomyam soup and nasi goreng to locals, introducing them to the bold tastes of Malaysian cuisine.

Malaysians online were touched by his gesture and proud to see local food being appreciated abroad.

Read more at www.rojakdaily.com.